

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 9 (1), April 2019

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

DARIPADA MINDA Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh ahli Persatuan Pesara UKM. Semoga ibadah yang kita lakukan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Persatuan Pesara UKM bil 8 yang telah diadakan pada 21 Mac 2019, Alhamdulillah beberapa orang muka baru telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa bagi menggerakkan persatuan ini dengan lebih baik. Dalam kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada para ahli kerana masih memberi kepercayaan sekali lagi kepada saya untuk menerajui persatuan ini. In sya Allah dengan kudrat yang Allah berikan, saya akan melakukan sekadar terdaya bagi memperjuangkan tuntutan para ahli dengan bantuan ahli-ahli jawatankuasa yang lain. Saya juga berasa bangga kerana kehadiran para ahli dalam mesyuarat yang diadakan tempuh hari amat menggalakkan. Segala idea, saranan dan pandangan daripada para ahli yang hadir, menjadi panduan pihak pengurusan untuk menjalankan kegiatan persatuan. Ini menandakan para ahli begitu komited untuk melihat persatuan ini dapat memberi manfaat kepada para ahli. Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan para pesara yang belum menjadi ahli agar mendaftar menjadi ahli Persatuan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Naib Canselor UKM yang baru. YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, kerana dengan keprihatinan beliau telah membenarkan Persatuan untuk mengadakan mesyuarat menggunakan Bilik Mesyuarat Masjid UKM secara percuma. Bagi memeriahkan lagi acara sambutan UKM ke 50 tahun pada tahun hadapan, Persatuan berharap dapat turut serta dalam sambutan tersebut. Para ahli Persatuan berasa bangga sekiranya dapat dilibatkan bersama,

Akhir sekali dalam catatan ringkas ini, saya mengharapkan Persatuan Pesara UKM akan terus maju ke hadapan bagi menggerakkan persatuan ini ke tahap yang lebih sempurna untuk kebaikan kita bersama seperti kata ungkapan Melayu, "bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat". Melalui Persatuan inilah kita bermuafakat bersama bagi menyelesaikan masalah bersama.

Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali
Pengerusi

**PEGAWAI PENUBUHAN
PERSATUAN PESARA UKM 2019/2021**

Pengerusi

Anuwar Ali (Prof. Emeritus Tan Sri Dr.)
(012 3202628)

Kamariah Mohd. Yusof
(Ketua Biro Kebajikan)
(017 3193734)

Timbalan Pengerusi

Mohd. Wahid Samsudin (Dato' Dr.)
(013 3357676)

Ishak Arshad
(019 3304270)

Setiausaha

Abd. Talib Harun
(019 3289426)

Laily bin Din (Prof. Emeritus Dato' Dr.)
(012 3223024)

Penolong Setiausaha

Noraini Hussin
(012 2149241)

Mohammed Othman
(012 2133136)

Salmah Kasmani
(012 3755899)

Bendahari

Rosenaini@Rusnaini A. Saman
(012 3349145)

Sayuti Sahlan
(013 3957115)

Juruaudit**AHLI JAWATANKUASA**

Muhammad Yahaya
(Prof. Emeritus Dato' Dr)
(Ketua Biro Riadah dan Rekreasi)
(013-3357477)

Mansor Jusoh (Dr)
019 2791104

Sabardin Ahmad
(019 2456823)

Misran bin Rokimin (Dr)
(Ketua Biro Penerangan dan Penerbitan)
013 3542787

.....
ALU-ALUAN DARIPADA Pengerusi BIRO PENERANGAN DAN PENERBITAN

Assalamualaikum Tuan dan Puan para pesara UKM.

Biro Penerangan dan Penerbitan PPUKM 2019/2021 mempunyai dua saluran untuk menyampaikan maklumat kepada pesara dan menerima maklumat daripada para pesara.

1. Menerusi media sosial seperti Website, Email dan Whassap dikendalikan oleh Puan Salmah Kasmani. Sementara Sdra. Raai Osman akan mengendalikan Facebook, Instagram dan Twitter.
2. Menerusi media cetak seperti Buletin akan saya kendalikan, dan dibantu oleh Pn. Salmah Kasmani, En. Othman Ahmad dan Pn.Rosenaini@Rosnaini A. Saman.

Justeru sebarang penyampaian maklumat dan menerima maklumat daripada ahli disalurkan menerusi media sosial agar lebih cepat dan pantas maklumat disampaikan. Sementara media cetak akan diterbitkan dua kali setahun. Terbitan Bilangan 9 ini akan mengandungi empat siri. Pengedaran setiap siri akan dilakukan melalui website. Keempat-empat siri ini akan digabungkan dan diterbitkan bersekali dan dicetak lalu diedarkan pada hari mesyuarat agung akan datang. Hal ini dilakukan bagi menjimatkan kos percetakan, belanja pos dan masalah pengedaran. Kandungan Buletin antaranya:

- Catatan daripada minda Pengerusi PPUKM
- Mengangkat tokoh-tokoh pesara ahli akademik/kaki tangan am sebelum dan selepas bersara.
- Corat-coret – pengalaman para ahli menghadapi susah-senang waktu bertugas sejak UKM ditubuhkan.

- Sukan dan aktiviti riadah.
- Rempah Ratus:
 - Karya seni sastera: Sajak, pantun, syair, gurindam dsb.
 - Resipi masakan traditional peninggalan ibu dari setiap negeri (masih asli yang belum diterbitkan).
 - Dan sebagainya yang boleh menambahkan keenakan rasa idea daripada para pesara.

Oleh kerana setiap keluaran hanya dihadkan kepada empat halaman, maka setiap makalah yang ditulis tidak lebih 500 perkataan. Pihak Editor akan mengedit makalah tersebut. Para pesara yang berminat boleh menghantar bahan-bahan yang ditulis dengan menyertakan nama penulis, tajuk penulisan, boleh sertakan gambar (jika ada). Makalah yang ingin disiarkan dalam Buletin boleh emailkan kepada saya: dr.misran@gmail.com.

Terima kasih.

Dr. Misran Rokimin
Ketua Biro Penerangan/Penerbitan
Persatuan Pesara UKM 2019/2021
3hb. Mei 2019.

.....
Ahli Jawatankuasa Biro-Biro
sesi 2019-2021

Biro	Matlamat
Biro Penerangan dan Penerbitan <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Misran Rokimin (Ketua) • Encik Abd. Raai Osman • Encik Othman Ahmad • Puan Rosenaini@Ruisnaini A. Saman • Puan Salmah Kasmani 	Wasap Website Email Facebook Instagram Twitter Bulletin
Biro Riadah dan Lawatan: <ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya (Ketua) • Encik Abd. Rahman Madon • Encik Abd. Talib Harun • Ir Ishak Hj. Arshad • Puan Kamariah Mohd. Yusof • Encik Mohammed Othman • Puan Noraini Hussin • Puan Salmah Kasmani 	Golf Amal Lawatan Kegiatan-kegiatan riadah
Biro Kebajikan <ul style="list-style-type: none"> • Puan Kamariah Mohd. Yusof (Ketua) • Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din • Encik Abd. Talib Harun • Puan Asmah Bee • Puan Nasarah Mohd. Tahir • Puan Noraini Hussin • Puan Rosenaini@ Rusnaini A. Saman • Encik Sabardin Ahmad 	Jamuan/keraian Ziarah/ziarah kasih Hal-hal kebajikan ahli yang uzur/kematian Kemudahan perubatan

Persatuan juga telah melantik beberapa ahli Persatuan sebagai Panel Penasihat. Semoga pengalaman dan kepakaran mereka akan dapat membantu Persatuan dalam hal-hal yang tertentu.

- YB Datuk Wira Omar Jaafar
- YBhg. Tan Sri Dato Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yasin
- Encik Baharudin Alang Ishak
- Dr. Jaswant Singh a/l Jagat Singh
- Datin Teh Raqamah Abdullah

JAMUAN HARI RAYA IDUL FITRI 2019/1440h
3 Julai 2019
11.00 pagi
Dewan Gemilang

SYAIR

BALADA SEORANG PENSYARAH

Tersebutlah kisah di sebuah universiti
 UKM letaknya di Bandar Baru Bangi
 Tempat himpunan bijak bistari
 Menabur ilmu duniawi ukhrawi

Kerjaya bermula pensyarah muda
 Tugas diberi angguk sahaja
 Jika tidak membawa bencana
 Nak naik pangkat amat tersiksa

Setelah berusaha naik ke Kanan
 Kerja tak habis jadi tekanan
 Apa nak buat sudah suratan
 Semua dinilai dalam jawatan

Dari Kanan naik ke Madya
 Kerja bertambah sampai tak daya
 Kuliah, menyelidik, tulis kertas kerja
 Nasib tak baik gagal temu duga

Rasa kecewa jangan dipendam
 Teruskan usaha, semangat tanamkan
 Kenaikan pangkat bukanlah tuntutan
 Ikhlas berbakti pada anak watan

Setelah berjaya jangan takbur
 Sedekah jariah bakti ditabur
 Tambah rezeki nama tersohor
 Tak lama pula jadi profesor

Setelah puas jadi sarjana
 Sampailah sudah masa bersara
 Jangan bersedih jangan berduka
 Memang begitu aturan dunia

Bernasib baik ditawarkan kontrak
 Kerja diberi tak pernah mengelak
 Walaupun penat tenaga dan otak
 Sarjana yang baik tidak ditolak

Sampai masanya mengundur diri
 Takkan selamanya duduk di sini
 Tiga puluh tahun menabur bakti
 Banyak lahirkan pemimpin negeri

Tamatlah sudah sebuah ceritera
 Kisah hidup pensyarah lama
 Banyak jasanya pada negara
 Jangan disindir jangan dinista

Ceritera ini mohon berhenti
 Hanya sekadar penghibur hati
 Kita semua akan lalui
 Masa sahaja akan menentui

Nukilan:
 Misran Rokimin
 13 Ogos 2008
 (Didendangkan pada jamuan makan malam
 FSSK).

Sidang editor Buletin

Dr Misran Rokimin

Encik Othman Ahmad

Puan Rosenaini@Rusnaini A. Saman

Puan Salmah Kasmani